


LAPORAN KARNIVAL SUKAN PIALA MAHABBAH 2014

Karnival Sukan Piala Mahabbah merupakan satu temasya sukan yang dianjurkan untuk mengukuhkan ikatan ukhuwah antara staf-staf Politeknik Seberang Perai(PSP). Karnival pada tahun ini dianjurkan oleh Jabatan Pengajian Am dengan kerjasama Jabatan Sukan dan Kokurikulum Politeknik Seberang Perai. Antara permainan yang dipertandingkan adalah , futsal , bowling, bola tampar , bola jaring dan badminton. Permainan futsal, bola tampar, bola jaring dan badminton telah diadakan di Kompleks Sukan PSP manakala permainan bowling di Megamall Bowling Center di Perai.

Acara yang telah dirasmikan oleh Pengarah PSP Tn.Hj Zulkifli bin Ariffin telah dimulakan pada bulan Januari dengan pertandingan bola tampar kategori lelaki dan wanita. Ini telah disusuli dengan permainan bola jaring , badminton, bowling dan akhir sekali futsal yang telah diadakan pada penghujung bulan Februari. Seramai 200 orang staf PSP telah mengambil bahagian dalam kesemua lima jenis permainan yang telah dipertandingkan. Semangat kesukaran yang tinggi telah ditunjukkan oleh semua pemain dalam kesemua permainan yang telah mereka serta. Disamping itu ikatan ukhuwah juga jelas telah ditonjolkan sepanjang karnival ini berlangsung.

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal telah menunjukkan kehebatan dengan menjadi johan keseluruhan. Mereka telah memenangi permainan futsal, badminton, bola jaring dan bola tampar dan juga bowling. Tempat kedua atau naib johan pula menjadi milik Jabatan Pengajian Am/Jabatan Matematik ,Sains dan Komputer.

Karnival yang berlangsung sepanjang bulan Januari dan Februari telah melabuhkan tirai pada 22 Februari 2014 . Pada keseluruhannya karnival ini berjaya mencapai objektif yang telah digariskan oleh pihak pengatur.



Disediakan oleh : GK Marriappen , JPA